

## Peniaga dikompaun RM1,000 gagal pamer tanda harga

Mei 16, 2020 Ditulis oleh Media Baharu



**SUNGAI PETANI, 16 Mei** - Seorang peniaga dikompaun RM1,000 kerana gagal mempamerkan tanda harga barangan jualan di premisnya di kampung Berapit Tikam Batu.

Serbuan oleh sepasukan pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP itu dilakukan hasil aduan orang awam.

Jelas Ketua Cawangan KPDNHEP Sungai Petani; Mazlan Safar suspek didapati melakukan kesalahan bawah Perintah 3(1) Perintah Kawalan Harga-Penandaan Harga Oleh Peniaga Runcit; 1993.

Orang ramai juga diminta terus menyalurkan maklumat kepada pihak Kementerian dengan melaporkan sebarang kegiatan mencurigakan melalui hotline 1-800-886-800.

<https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/18405-peniaga-dikompaun-rm1-000-gagal-pamer-tanda-harga>